

# HEP UMS kaji terperinci insiden kemalangan maut dua pelajar

Oleh **SADDAM EDRIS**

4B 25.4.2017 A3  
KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengkaji secara terperinci berkaitan insiden kemalangan maut melibatkan dua pelajar pada Ahad lepas bagi mengelak kejadian yang sama berulang.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Harun Abdullah berkata kejadian seumpama itu amat mendukacitakan dan seharusnya tidak berlaku jika pelajar mematuhi peraturan masa keluar masuk yang ditetapkan.

"Insiden ini sepatutnya tidak berlaku kerana UMS mempunyai peraturan yang sudah ditetapkan iaitu pintu pagar akan ditutup pada jam 11 malam dan kejadian yang berlaku pula adalah kira-kira jam 2 pagi yang mana di luar kebiasaan kita.

"Jadi, kita akan melihat secara terperinci daripada pelbagai sudut supaya insiden sebegini tidak akan berulang kembali," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelepasan

Konvoi Rentas Borneo 4: Ekspedisi Permata Rimba Magandai, di sini, kelmarin.

Jelas Harun, warga UMS khususnya pelajar juga sedia maklum bahawa mereka dilarang keluar dan masuk setibanya jam 11 malam ekoran pintu pagar masuk UMS akan ditutup melainkan dalam keadaan tertentu yang boleh dipertimbangkan.

Katanya jika tiada kebenaran dikeluarkan oleh pihak pengurusan UMS, ia dianggap melanggar tata tertib yang termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Terdahulu, dua pelajar UMS iaitu Mohd Haidil Amran, 23, dan Nur Azlina Tan Lian Chew, 22, maut setelah kenderaan yang mereka naiki terbabas ke pembahagi jalan sebelum merempuh pokok berdekatan Jalan Tun Fuad Stephen, Likas, Ahad lepas.

Kedua-dua mangsa maut di lokasi kejadian akibat tersepit di dalam kenderaan yang mana mangsa difahamkan baru sahaja bertolak pulang ke UMS dari majlis perjumpaan fakulti di sekitar bandaraya.



**HARUN** (tengah) menyampaikan cenderahati kepada Jainab (kiri) sempena Majlis Pelepasan Konvoi Rentas Borneo 4: Ekspedisi Permata Rimba Magandai.